

Headline	Jualan murah rambutan anak sekolah di Medan Niaga Satok		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Jan 2018	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	244 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,250
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,751



## Jualan murah rambutan anak sekolah di Medan Niaga Satok



**ENAK...** Rambutan anak sekolah amat popular kerana isinya yang manis.

**KUCHING:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan aktiviti jualan Rambutan Anak Sekolah di Medan Niaga Satok di sini pada Sabtu dan Ahad ini (6 & 7Jan).

Timbalan Pengarah (Operasi) FAMA Sarawak Abdul Jaafar Lian berkata kira-kira lima tan Rambutan Anak Sekolah atau varieti R191 akan dijual minggu ini.

Katanya rambutan dari Sri Aman itu akan dijual pada

harga murah berbanding harga pasaran sekitar RM8 hingga RM9 sekilogram.

"Di samping menjual pada harga lebih murah, kita mahu mendidik pengguna kerana kebiasaannya mereka suka membeli buah yang terlalu merah dan terlalu masak (Index 6).

"Rambutan Anak Sekolah ada enam index, paling sesuai untuk dimakan malahan untuk pasaran eksport adalah pada Index 3 dan Index 4," katanya

kepada Bernama.

Rambutan Anak Sekolah ditanam penduduk tiga rumah panjang iaitu Rumah Helary Nyelam, Rumah Nimong Empelanjau dan Rumah Sepitson di Sri Aman, kira-kira 200 kilometer dari Kuching.

Dibantu FAMA, rambutan Anak Sekolah diusahakan mereka dan mula mengeluarkan hasil sejak 2008 kini mendapat permintaan tinggi untuk pasaran domestik serta eksport. – Bernama